

UCAPAN DASAR

DATO' SHAMSUL ANUAR HJ NASARAH

Presiden MAJLIS BELIA MALAYSIA

Sempena MAJLIS PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN Ke 57 MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM)

TAJUK: **MELETAKKAN GERAKAN BELIA** **- Ditengah Orang Muda ?**

Yang Berusaha Saudara / Saudari Pengacara Majlis,
Ybhg Dato' Pengerusi Tetap MBM,
Saudara Timbalan Pengerusi Tetap MBM,
YB Datuk Timbalan Presiden MBM,
Ybhg Dato' Ketua Pengarah KBSM,
Ybhg Dato' / Saudara Pengerusi / Presiden Badan Gabungan MBM,
Naib-Naib Presiden MBM,
Setiausaha Agung MBM, Ahli Jawatankuasa Kerja MBM,
Ahli-Ahli Dewan Tertinggi MBM,
Para Perwakilan MPAT Ke 57,
Seterusnya Para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.m.t dan salam sejahtera.....?

Pertama sekali saya dahului ucapan saya pada hari ini dengan merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Mohd Khalil Yaakob Yang Dipertua Negeri Melaka kerana sudi hadir dan seterusnya dapat merasmikan MPAT kita pada kali ini. Bagi pihak MBM juga saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka kerana dapat meluangkan masa hadir dan seterusnya membenarkan Melaka menjadi tuan rumah. Ucapan terima kasih juga tentulah khas saya tujukan kepada YB Datuk Timbalan Presiden MBM yang juga Presiden MGBM kerana sudi menjadi tuan rumah kepada MPAT yang amat bersejarah ini.

Saudara dan saudari sekalian,

Kita bersidang kali ini dalam keadaan yang berbeza. Bersidang ketika negara baru sahaja menyambut 50 tahun kemerdekaan negara. Suatu tempoh kemerdekaan yang bukan senang untuk dicapai oleh sesebuah negara. Ada negara yang merdeka lebih awal atau sama dengan kita tidak maju sebagaimana Malaysia. Namun Malaysia telah mendahului kebanyakan negara membangun dalam pelbagai bidang, malah kita berkeupayaan menandingi negara maju dalam bidang tertentu. Malaysia dan belia Malaysia mampu lakukan sesuatu yang boleh menaikkan imej dan nama kita. Sebab itulah MBM mengucapkan tahniah kepada dua orang belia Malaysia – Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha dan Mejer Dr Faiz Khaleed kerana telah begitu cemerlang melaksanakan misi negara ke ISS dan seterusnya menaikkan nama Negara. Ini adalah lambang kepada keupayaan belia Malaysia bahawa jika kita bersungguh-sungguh kita mampu melakukan walaupun ianya dianggap mustahil sebelum ini. Inilah contoh Modal Insan yang disebut oleh Perdana Menteri Malaysia ~ berdaya saing, cekal, berani, kuat, berilmu, berdisiplin dan sebagainya dan menepati seperti apa yang disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang Di -Pertuan Agung XIII, yang mahu kejayaan misi angkasa lepas ini dijadikan permulaan era baru kebangkitan generasi muda dalam memastikan Malaysia terus maju pada masa depan. MBM berharap kejayaan ini menjadi pembakar semangat supaya kita berlumba-lumba menuntut ilmu kerana dengan ilmulah membolehkan kita meneroka pelbagai disiplin ilmu pengetahuan.

Kerana itu kemerdekaan bukan bermakna hanya bebas daripada penjajah semata-mata. Ia adalah kemajuan, pemodenan dan keupayaan sesebuah negara membawa rakyatnya ketahap yang mampu bersaing dengan sesiapa sahaja. Setelah lebih 400 tahun dijajah oleh Portugis, Belanda, Jepun dan Inggeris, akhirnya kita telah berada dilandasan yang betul. Daripada sebuah negara yang dianggap oleh penjajah tidak mampu menghasilkan walau sebatang jarum, negara dibina oleh bersilihganti pemimpin negara hingga kita mencapai tahap cemerlang selama 50 tahun ini. Kita boleh sebaris dengan negara-negara maju. Dan kini Malaysia sedang mencipta kegemilangan bagi mencapai Wawasan 2020 seterusnya mencipta kejayaan Misi 2057 - Saya cukup yakin dengan kewibawaan, keiklasan, kerjakuat, perpaduan, perancangan yang sempurna oleh pemimpin serta rakyat, kita akan berjaya. Jika sejarah membuktikan bahawa kejayaan negara hari ini juga adalah hasil perjuangan belia. Maka saya harap belia dan pimpinan belia hari ini juga mesti bekerja kuat bagi mencipta sejarah bahawa jika negara terbilang pada 2057, belia hari ini juga mencatat sejarah turut berperanan menjayakannya.

Namun begitu persoalannya ialah - mampukah generasi muda hari ini apabila diberikan peranan dan tanggungjawab dapat terus membawa negara ini ke tahap yang lebih terbilang? Wawasan 2020 hanya tinggal 13 tahun sahaja lagi dan Misi 2057 sedang menanti kita. Berupayakah kita, membantu menyediakan belia yang bercita-cita besar, berdaya saing, mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi, berupaya menambah nilai daripada apa yang mereka miliki hari ini. Dan apabila tiba saatnya mereka mampu membuat lonjakan yang lebih besar dan meletakkan negara ini lebih hebat daripada yang ada sekarang. Inilah peranan dan tugas kita, apatah lagi ketika cabaran dan tanggungjawab dihadapan kita semakin besar.

Saudara-saudari sekalian,

1. CABARAN DI HADAPAN KITA ?

Pengaruh generasi muda amat besar. Menurut perangkaan terkini (2005) yang dikeluarkan sebagai asas perancangan belia di Malaysia dalam RMK-9. Jumlah keseluruhan generasi muda berumur antara 15-39 tahun ialah 11.10 juta orang atau 41.5 % daripada 26.75 juta rakyat Malaysia. Jumlah ini dijangka meningkat sebanyak 5% kepada 11.65 juta orang menjelang tahun 2010. Fakta ini memperlihatkan betapa generasi muda adalah tenaga utama negara, amat signifikan, mampu mempengaruhi dan mewarnai masa depan negara. Maknanya generasi muda menjadi teras utama pembangunan negara (**development powerhouses**) kerana peringkat ini merupakan peringkat umur paling bertenaga dan produktif sekali. Sudah tentulah pasti ramai memperakui bahawa; **Generasi Muda Aset Negara, Masa Depan Negara Ditangan Orang Muda** dan **Belia Pewaris Perjuangan Bangsa**. Kerana sejarah sendiri membuktikan generasi muda berperanan besar: Sejarah Hijrah Nabi Muhammad S.A.W., Revolusi China di Medan Thainamen adalah contoh bagaimana generasi muda memainkan peranan utama, kerana itu suasana hari ini memberikan isyarat bahawa generasi muda sebenarnya sudah tiada masa untuk menoleh kebelakang lagi. Baki 13 tahun sebelum Malaysia mencapai status sebuah negara maju sebenarnya bukanlah tempoh yang lama dan membolehkan generasi muda mengambil sikap mudah dan terus leka. Dengan kewibawaan pimpinan negara diseiringkan dengan asas dalam negara yang begitu kukuh kita berupaya maju ke hadapan.

Justeru sebagai generasi muda, kita perlu tahu bahawa harapan dan matlamat negara melalui Wawasan 2020 cukup besar. Pimpinan negara telah dan sedang meletakkan asas dan landasan serta padang permainan yang begitu baik dan kukuh bagi generasi muda. Maka tanggungjawab generasi muda amat besar sekali kerana pada tahun 2020 dan 2027 nanti orang yang bakal menjadi pemainnya adalah kita. Dan sudah tentu dalam kedudukan kita sebagai pemimpin generasi muda, kita perlu tahu apakah peranan yang harus kita lakukan bagi menyediakan pemain terbaik diatas padang yang negara sedang sediakan.

Perpaduan dan kestabilan politik

Selama ini antara faktor kenapa negara kita berjaya, adalah kerana rakyatnya bersatupadu, mengamalkan sikap toleransi, menyelesaikan masalah mengikut tradisi dan saluran yang betul. Kita perlu mengekalkan situasi ini. MBM begitu bimbang jika ada mana-mana pihak cuba melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan perpaduan antara kaum dalam negara ini terungkai. Sebab itu kita meminta mana-mana pihak yang ingin menyuarakan sesuatu terutama isu-isu sensitive agar berhati-hati dan meletakkan kepentingan negara ini melebihi kepentingan lain. Isu-isu sensitif telah dibincangkan secara terbuka. Walaupun MBM berkeyakinan perpaduan dikalangan rakyat kita amat baik namun kita perlu melakukan sesuatu agar perpaduan dikalangan rakyat yang menjadi faktor penting perlu dikekalkan dan ditingkatkan. Kita pernah melalui detik hitam 13 Mei 1969 dan ini mesti dijadikan pengajaran kepada kita semua.

Dan jika kita inginkan keharmonian berterusan maka perkara-perkara tertentu hendaklah dirundingkan dengan baik dan apa yang telah termaktub dalam perlembagaan hendaklah dihormati tanpa dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Kontrak sosial yang telah lama disepekatkan hendaklah dihormati dan kita perlu faham memahami pegangan dan budaya kaum masing-masing barulah keharmonian dapat dikekalkan. Sebab itu saya ingin mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya jangan heret negara ini dalam krisis yang merbahaya. Saya dihubungi oleh pihak-pihak tertentu supaya menyertai mereka, maka saya ingin nyatakan bahawa MBM tidak berminat serta tidak mahu terlibat dengan cara itu malah MBM ingin ingatkan pertubuhan bukan kerajaan tertentu supaya jangan bermain api dan menggunakan isu-isu perkauman. Keterbukaan kerajaan jangan disalahgunakan - MBM yang usianya akan menjangkau 60 tahun pada 2008 nanti sudah matang dan kita tidak akan terpengaruh dengan isu-isu yang boleh menghancurkan negara ini. Sekali lagi saya nyatakan MBM menentang gerakan dan golongan antistabilan yang sedang berusaha menghancurkan keharmonian negara yang dinikmati oleh rakyat dan majoriti negara ini dan mencabar amalan demokrasi negara ini. Sebab itu, MBM sebagai badan belia terbesar dinegara ini sebenarnya boleh berperanan bagi menanam semangat perpaduan dikalangan rakyat khususnya dikalangan generasi muda. Komposisi MBM sendiri yang terdiri daripada pelbagai latar belakang boleh dimanfaatkan bagi tujuan ini - sebab itu saya meminta agar kita memperbanyakkan aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum supaya MBM dapat terus memastikan ia boleh menjadi platform terbaik menanam perpaduan dikalangan belia dan remaja untuk hari ini dan akan datang.

Saudara-saudari sekalian,

Belia Perlu Merebut Peluang

Jika kita tidak berwaspada, MBM bimbang apa yang dibina sejak 50 tahun lalu akan hilang kerana kita tidak menjaganya dengan baik. Sebagai pemimpin belia, kita perlu menyedarkan generasi muda bahawa tidak banyak negara yang memberikan peluang kepada generasi muda sebagaimana negara kita. Hari ini segalanya disediakan untuk generasi muda. YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, sewaktu melancarkan Hari Dan Minggu Belia Negara 07 menyebut " Negara ini adalah negara untuk orang muda...." Saya meminta gerakan belia dalam negara ini supaya sentiasa peka dan sensitif terhadap apa yang sedang dilakukan oleh negara hari ini. Sesuatu perancangan dan dasar serta pembangunan yang dibuat semuanya akan memberikan kesan besar kepada belia dan generasi muda hari ini dan akan datang. Sebab itu, MBM menyambut baik dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah melancarkan Pembangunan Korridor Baru: Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Pembangunan Utara (NCER), dan sebagainya. Ini amat baik dan bermakna sekali. MBM berharap perancangan kerajaan ini akan benar-benar dapat dirasai oleh penduduk luar bandar dan dapat dirasai oleh pelbagai lapisan masyarakat terutamanya masyarakat diluar bandar.

Namun, cabaran gerakan belia ketika ini ialah bagaimana mengajak belia memanfaatkan masa mudanya secara terbaik dan positif untuk membina kekuatan ilmu, mempertahankan nilai budi dan akhlak serta membina kualiti diri dan merebut peluang yang negara sediakan hari ini. Di kalangan generasi muda masih ada yang mencari-cari identiti diri dan tidak berkeupayaan memenuhi tempoh masa mudanya secara positif atau membuat persediaan menjadi generasi yang baik untuk; diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Generasi muda tidak memanfaatkan pelbagai peluang dihadapannya. Mempersiapkan peluang menimba ilmu pengetahuan atau tidak mengambil kesempatan dari peluang pendidikan yang negara sediakan melalui pelbagai institusi pendidikan dan kemahiran, teknikal atau sebagainya. Tidak bersungguh merebut peluang untuk membina kerjaya yang disediakan Negara atau merebut peluang-peluang dalam penyertaan melalui pelbagai kegiatan ekonomi, dan sebagainya.

Lebih malang lagi bersikap memilih dan membiarkan diri mereka terlibat dengan perkara yang tidak berfeadah, keadaan ini akhirnya menyebabkan pelbagai peluang dinikmati oleh orang lain. Daripada 1980 hingga 2004 kadar jenayah meningkat sebanyak 19.8 %, ini merupakan suatu angka peningkatan yang membimbangkan. Sebab itu MBM meminta agar gerakan belia mempelbagaikan program bersama dengan pelbagai kementerian dan jabatan serta agensi kerajaan untuk generasi muda. Kita kena ajak generasi muda merebut peluang menambahkan kemahiran dengan pelbagai agensi kerajaan : MARA, Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya. Mengadakan kempen supaya kita tidak memilih kerja supaya kita memanfaatkan secara maksimum peluang di hadapan kita.

Menghadapi Gobalisasi

Generasi muda adalah golongan yang mudah terpengaruh dan terkesan (*vulnerable*) oleh sebarang arus perubahan atau cabaran yang dibawa oleh mana-mana bentuk pembangunan. Oleh itu generasi muda perlu memahami keadaan ini supaya mereka tidak mudah tewas dengan arus perubahan pembangunan yang diterima dan tidak memberikan kesan negatif kepada masa depan generasi muda. Generasi muda tidak hanya berhadapan dengan cabaran bersifat peribadi atau dalaman semata, kerana di era perkembangan **globalisasi dunia, konsep langit terbuka, dunia tanpa wayar** ini, generasi muda sebenarnya juga tidak boleh mengelak menghadapi cabaran dari luar yang datang melalui pelbagai sudut atau cara. Persoalannya bagaimana persediaan generasi muda hadapi cabaran ini? Berupayakan generasi muda menghadapi agenda barat melalui Order Baru Dunia dan penjajahan budaya bentuk baru oleh barat melalui media? Bagaimana generasi muda mahu berhadapan dengan kemajuan sains, teknologi serta perkembangan dalam dunia ICT. Bolehkah generasi muda bersaing di arena antarabangsa tanpa sebarang "tongkat atau sokongan" seperti mana mereka perolehi didalam negara? Semua ini adalah cabaran dan memberikan kesan besar kepada kehidupan generasi muda.

Saudara-saudari sekalian,

Gerakan Belia Perlu Menjayakan Wawasan Negara ?

Gerakan belia perlu berperanan melihat sejauhmana pemahaman dan peranan generasi muda menjayakan matlamat dan wawasan negara? Masihkah ada yang tidak sedar bahawa, kita kini dipertengahan jalan dalam menuju 2020. Generasi muda perlu memahami pelbagai perubahan besar dalam dunia global. Bagaimana generasi muda mahu memainkan peranan merialisasikan **Misi Nasional**, suatu rangka dasar yang menggariskan keutamaan untuk tempoh 15 tahun ke 2 dalam RMK-9. Apakah generasi muda mampu dan bersedia bersedia menjadi "**warga kelas pertama dan bertaraf dunia**". Justeru apakah generasi muda berkeupayaan untuk memastikan mereka menjadi generasi terbaik dan meyakinkan negara untuk menjadi generasi penerus dan harapan kepada negara bagi mencapai matlamat dan wawasan negara? Pimpinan negara telah meletakkan sasaran yang jelas untuk dicapai dalam Gagasan Wawasan 2020 dan fasa pertama kearah Wawasan 2020 telah dilalui oleh negara khususnya generasi muda dengan pelbagai keadaan. Kini telah memasuki fasa kedua yang amat penting kepada negara khususnya generasi muda. Pembentangan RMK-9 oleh Perdana Menteri

pada 30 Mac 2006 lalu memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk merealisasikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020.

Bagi mencapai Wawasan 2020, **Misi Nasional** dirangka dengan menggariskan lima teras utama. Generasi muda perlu memahami ianya dirangka atas kesedaran untuk Malaysia mencapai status negara maju berasaskan “**acuan dan kemampuan sendiri**” bagi membolehkan kita **bersaing diperingkat global, mengukuhkan perpaduan, dan mengurangkan polarisasi kaum** serta mewujudkan **kesimbangan pendapatan dan kekayaan**. Lima teras utama dalam Misi Nasional 2006-2010 ialah :

- I. Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi
- II. Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk “**minda kelas pertama**”
- III. Menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif
- IV. Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup
- V. Mengukuhkan keupayaan institusi

Dan semasa pembentangan RMK9, YAB Perdana Menteri Malaysia dengan jelas menyebut mengenai pembangunan belia dan menjadikan Islam Hadhari sebagai teras utama. Sudah tentu menjadi harapan semua pihak agar kita menjadikan wawasan dan misi ini sebagai landasan atau teras kepada wawasan generasi muda.

Kualiti Generasi Muda ?

Apa yang kita inginkan generasi muda yang memahami sejarah perjuangan bangsanya. Memahami latar belakang negara yang pernah lebih 400 tahun dijajah. Menghargai erti dan nilai perpaduan yang telah lama dibina, kedudukan agama Islam dan hak kebebasan beragama, kesepakatan dalam “kontrak sosial” yang telah dibina dahulu. Generasi muda yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai agama dan budaya kita; hormat menghormati, tolak ansur, jujur, ikhlas, dan sebagainya supaya kita menjadi generasi muda yang maju ke hadapan dan dalam masa yang sama tidak meninggalkan amalan dan budaya bangsa dan negara sendiri. Generasi muda yang tahu dan berupaya menghadapi masalah dadah, HIV Dan AIDS dan sebagainya. Semua ini penting bagi memastikan perancangan negara dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana memiliki generasi muda yang berkualiti dan bebas daripada pelbagai masalah.

Dalam satu persidangan belia di Geneva, Switzerland pada Disember 2004, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengemukakan lima isu dan cabaran yang bakal dihadapi oleh generasi muda belia iaitu :

1. Globalisation and integration of economies and societies
2. Information and communication technologies (ICT)
3. HIV / AIDS and young people
4. Youth and conflict
5. Inter-generational relations

Kebimbangan MBM, hari ini generasi muda berhadapan dengan pelbagai isu ; masalah sosial, penyalahgunaan dadah, krisis identiti, keruntuhan moral, lemah daya tahan, keciciran, ketidakupayaan menghadapi pengaruh luar dan sebagainya. Mereka membiarkan diri terlibat, dan mudah dipengaruhi pelbagai unsur nagetif terutama nilai ciptaan barat . Amat malang ketika peluang mencipta kejayaan terbentang luas, ramai generasi muda tidak menggunakannya sebagai persediaan untuk dirinya apalagi membina diri mereka agar menjadi generasi harapan kepada, agama, bangsa dan negara. Kajian menunjukkan bahawa peningkatan kadar jenayah berkaitan rapat dengan pengangguran, agihan ekonomi yang tidak sama. Cuma apakah pendorong yang menyebabkan berlakunya peningkatan kadar jenayah sedangkan kadar pertumbuhan ekonomi negara kita amat baik. Nilai ringgit telah mencecah 1400 mata di BSKL, pelaburan dana asing amat memberangsangkan. Mungkin ada dikalangan generasi muda dalam negara ini tidak mendapat nikmat kemakmuran ini atau pendidikan nilai dan moral lemah dikalangan generasi muda hari ini. Inilah yang perlu difikirkan dan menjadi cabaran gerakan belia hari ini.

Saudara-saudari sekalian,

MEMARTABATKAN GERAKAN BELIA ?

- **Gerakan belia di tengah orang muda !**

Masadepan Gerakan Belia ?

Usia MBM akan menjangkau 60 tahun pada tahun 2008 nanti. Untuk MBM dan pertubuhan belia tetap relevan di usia begini kita perlu disegarkan dan menjiwai serta menjadi jaguh memperjuangkan nasib dan masadepan belia dan generasi muda. Justeru gerakan belia kena memainkan peranan untuk membina pelbagai rupa bentuk produk dan kegiatan baru untuk generasi kini dan akan datang. Sebagai pemimpin kita mesti berani meneroka pelbagai kegiatan baru dan diketengahkan kepada klien kita iaitu generasi muda. Kita juga perlu peka dan sensitif dengan perubahan dan kehendak semasa. Kita mesti kelihatan segar di sepanjang masa dalam pelbagai keadaan. Sudah tiba masanya kita meninggalkan mimpi ngeri bahawa kita tidak boleh bersaing atau menjadi hebat. Justeru, dengan pelbagai cabaran dihadapan, kita perlu menjadikan gerakan belia yang berdayasaing, berinovatif, kreatif, dan boleh bersama membantu melahirkan bangsa pencipta, kuat, gagah, rajin dan sopan dan mencipta kemajuan berasaskan budaya dan jatidiri kita sendiri serta gerakan belia yang sentiasa segar dibibir anak muda Malaysia. Kerana jika kita masih di takuk lama percayalah generasi muda akan meninggalkan kita.

Kita tidak dapat lari dari berhadapan dengan situasi baru dalam gerakan belia. Usaha untuk meremajakan gerakan belia dan merubah halatuju baru gerakan belia melalui kewujudan **Akta Pertubuhan Dan Pembangunan Belia 2006** perlu diambil perhatian serius oleh warga belia. Menerusi akta bagaimana gerakan belia dan pembangunan belia hendak dilaksana dengan lebih bersepadu, selaras dan bersinergi serta lebih hebat daripada sebelum adanya akta. Justeru itu dengan akta ini, persoalan yang menjadi ingatan dan cabaran pada kita ialah :

- 2.5.1 Apakah idealisme belia akan terus hidup subur ? Bagaimana generasi muda boleh terus berperanan sebagai satu "**force orang muda** ", sebagai pencipta perubahan, penegak kebenaran dan keadilan, sebagai generasi pencinta ilmu ? Bolehkan gerakan belia terus berperanan memimpin generasi muda ? Dan bagaimana mahu kita pastikan gerakan belia terus kekal dengan idealismenya yang menjadi institusi tidak formal bagi menjalankan kerja-kerja sukarela dan seterusnya kilang yang juga mampu melahirkan pemimpin pelapis negara dan menyediakan belia yang cemerlang, gemilang, dan terbilang ?
- 2.5.2 Sejauhmana pemahaman generasi muda terhadap Falsafah Dan Dasar Belia Negara, persoalan kelesuan gerakan belia, konsep rakan kongsi (Kementerian Belia Sukan Dan Pertubuhan Belia), apakah ianya jadi lebih baik atau tidak atau sebaliknya menjadi saingan kepada gerakan organisasi belia ? Sejauhmanakah generasi muda memahami tiga focus utama sebagai persediaan masa depan : **Kemahiran, Keusahawanan** dan **Kepimpinan** yang dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri?
- 2.5.3 Bagaimana memastikan gerakan belia agar sentiasa memenuhi tuntutan dan kehendak orang muda melalui pelbagai kegiatan dan program yang berlandaskan; pendidikan, pembangunan belia tani, belia berkemahiran, belia bermasyarakat. Dan bagaimana membangunkan potensi dan integriti belia, serta memastikan belia sentiasa mempunyai kesedaran politik dan bersatuan ?

Inilah antara cabaran yang ada dan mungkin cabaran ini berbeza mengikut perubahan samada dalam aspek politik, ekonomi mahupun social. Gerakan belia mesti memahaminya bagi memudahkan kita merangka pelbagai pendekatan menghadapinya.

1. **Perubahan Pendekatan Bagi Menepati Sasaran Dan Citarasa Belia.**

Marilah kita usahakan untuk **menambah nilai** kegiatan belia. Pendekatan, kaedah dan strategi gerakan belia mesti sentiasa disegarkan. Program kita mesti menekankan pelbagai perkara; ilmu pengetahuan, kepimpinan, perpaduan kaum dan sebagainya. Hari ini keperluan dan minat belia amat berbeza. Mereka perlukan kegiatan yang boleh meningkatkan ilmu mereka, bersukan, beriadah dan membina kerjaya. Walaupun keperluannya hampir sama tetapi pendekatannya agak berbeza. Soalnya bagaimana gerakan belia dapat melakukan perubahan bagi memenuhi minat dan citarasa ini.

Lantaran itulah MBM meminta kita segera mempelbagaikan kaedah dan kegiatan. Sekiranya gerakan belia hari ini masih berada pada tahap sama dan melaksanakan peranan serta tanggungjawab secara tradisi dan lama, saya bimbang belia yakni generasi muda hari ini akan menjauhkan diri daripada kita dan akan mendekati sesuatu yang lebih menarik minat mereka. Sebab itulah kita lihat ~ ramai anak muda melibatkan diri dengan kegiatan Mat Rempit, Melepak, menonton rancangan hiburan umpamanya Akademi Fantasia - ini kerana ia menarik bagi mereka. Persoalannya ialah bagaimana kita mahu menjadikan aktiviti gerakan belia juga boleh menarik minat mereka, dan bersaing dengan pelbagai kegiatan yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Saya percaya jika kegiatan kita memenuhi citarasa, memenuhi kehendak generasi muda kita akan diminati. Justeru bagaimana program dan kegiatan berbentuk; Ekonomi, Pendidikan, Budaya Dan Keagamaan, Kemasyarakatan, Sukan, Rekreasi dan sebagainya, hendak dilaksana mengikut sesuai dengan citarasa mereka dan diarahkan kepada matlamat serta wawasan gerakan belia serta negara

Bagi menanggapi segala cabaran dan merealisasikan wawasan gerakan belia. Strategi dan pendekatan mestilah baik, tepat, jelas dan sempurna. Pimpinan belia perlu memahami cabaran, merangka dasar dan wawasan generasi muda seterusnya melaksanakan strategi dengan pendekatan yang lebih tersusun. Ini penting agar kita mampu memastikan generasi muda yang berupaya melihat secara positif cabaran dihadapannya, mencipta kecemerlangan, menggilap potensi diri dan mampu menukar cabaran itu dengan menjadinya suatu peluang.

Saudara-saudari sekalian,

2. **Pendekatan ICT Dan Teknologi Maklumat**

Saya selalu sebut bahawa dengan perubahan teknologi dan ICT serta ledakan pelbagai perkara baru, turut memberikan kesan kepada kehendak dan citarasa klien kita, iaitu generasi muda. Sesuai dengan satu daripada tiga fokus utama yang di gariskan oleh YAB Perdana Menteri untuk gerakan belia iaitu "Kemahiran". Generasi yang memiliki kemahiran dalam bidang; Teknologi, Sains, ICT, penguasaan pelbagai bahasa dan pelbagai kemahiran lain akan menjadikan generasi muda kumpulan yang produktif dan mampu untuk mengasimilasikan pencapaian pelbagai negara maju. Kita mahu generasi muda sedemikian kerana ia mampu menjadikan diri mereka model pilihan pembangunan yang terbaik untuk agama, bangsa dan negara

Oleh itu gerakan belia perlu melakukan tranformasi dan kita tidak boleh ketinggalan dengan pelbagai perkembangan ICT : Internet, Website, kita perlu pantas dalam menembusi alam siber, supaya kita tidak akan ketinggalan kebelakang. MBM dan gerakan belia perlu menjadi juara dikalangan orang muda dengan pendekatan ini kita akan mudah untuk : Perjuang Kepentingan Mereka, . Berada ditengah-tengah orang muda dan sensitif serta peka dengan kehendak mereka. Ini kerana zaman telah berubah, keadaan amat berbeza berbanding dahulu. Cabaran teknologi maklumat, *ICT*, *teknologi users*, *info society*, dan perkembangan lain banyak mempengaruhi orang muda. Mereka terdedah dengan pelbagai perkara yang mengikat hidup mereka. Mereka pengguna teknologi umpama internet, mereka akan biasa dengan hidup kompetitif, bermaklumat serta bergantung kepada mesin.

3. **Bersedia memasuki fasa baru gerakan belia.**

Saya sebut di awal ucapan tadi bahawa Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan MBM (MPAT) ini cukup penting. Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2006 telah diterima di parlimen dan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Isu dihadapan kita bukan lagi penerimaan akta ini, tetapi bagaimana proses perlaksanaan hendak dilaksanakan dan ianya tidak semudah anggapan sesetengah pihak. Namun alhamdulillah setelah begitu lama dibincang dalam pelbagai jawatankuasa khususnya Jawatankuasa Teknikal Akta Pertubuhan Dan Pembangunan Belia 2006 yang terakhir pada 20 November 2007 (Selasa) Di Nikko Hotel Kuala Lumpur, MBM telah mengemukakan Memorandum Khas yang dipersetujui dalam Mesyuarat Dewan Tertinggi MBM pada 2 Oktober 2007 lalu di Pusat Belia Antarabangsa Kuala Lumpur.

Paling penting sekarang adalah bagaimana akta ini boleh menaikkan martabat gerakan belia. MBM ingin mengingatkan Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia (KBSM) supaya berpegang pada janji bahawa akta ini adalah bertujuan memastikan gerakan belia dalam negara ini diangkatkan martabatnya. Tidak ada maknanya jika ia akhirnya akan melemahkan pertubuhan belia dalam negara ini. Dan kerana itu MBM sekali lagi akan mengemukakan Memorandum Khas kepada KBSM dalam waktu terdekat ini bagi tujuan pengstrukturkan dan Penyusunan Pertubuhan Belia termasuk dalam aspek – Peningkatan Pentadbiran Pertubuhan belia di semua peringkat termasuk dalam aspek kewangan untuk pentadbiran dan juga aktiviti.

Di samping itu MBM mengucapkan terima kasih kepada KBSM kerana mempelbagaikan aktiviti belia. MBM yakin perlu dilakukan bagi tujuan mempelbagaikan aktiviti dikalangan orang muda. Cuma MBM minta agar melaksanakannya sebagaimana yang termaktub dalam akta. Dalam akta dinyatakan secara jelas MBM (maksudnya pertubuhan belia adalah rakan kongsi kepada KBSM). Justeru itu, amalan rakan kongsi ini di praktikkan disemua peringkat. Apa yang berlaku kebanyakan Majlis Belia Negeri (MBN) di peringkat negeri dan Majlis Belia Daerah (MBD) tidak dilibatkan dalam kebanyakan program. Ini tidak menepati semangat akta dan Konsep Rakan Kongsi, sebab itu MBM minta supaya arahan secara jelas hendaklah disampaikan oleh kementerian kepada pentadbirannya di semua peringkat supaya para pegawai kementerian dapat benar-benar menjadikan MBN dan MBD dan semua pertubuhan belia sebagai rakan kongsi sebagaimana termaktub dalam akta. Kita tidak dapat menerima alasan yang diberikan bahawa pertubuhan belia tidak aktif sebagai punca ianya tidak dapat dilaksanakan kerana sebagai pegawai mereka juga bertanggungjawab mengaktifkan MBN dan MBD serta pertubuhan belia di semua peringkat. Amatlah malang perkara ini tidak dilaksanakan, dan gerakan belia dalam masa yang sama sedang bersaing dengan pelbagai program dan kegiatan yang pihak kementerian salurkan melalui pelbagai saluran lain termasuk melalui Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri. MBM tidak membantah tetapi jika pihak kementerian mampu menyalurkan bantuan kepada pihak-pihak ini, maka perkara yang sama hendaklah diberikan kepada pertubuhan belia yang sepatutnya menjadi keutamaan kepada pihak kementerian.

Saudara-saudari sekalian,

4. **Budayakan ilmu dan nilai moral tinggi di kalangan belia.**

Ilmu pengetahuan amat penting sekali, kerana itu pimpinan gerakan belia mesti menggunakan pendekatan dan membudayakan ilmu di kalangan generasi muda. Ia amat penting kerana bukti memperlihatkan bahawa kewujudan pelbagai tamadun dunia, semuanya terbina hebat berasaskan ilmu pengetahuan. Kita mesti menanam semangat juang *Ibnu Batutah*, *Marco Polo*, *Christopher Columbus* dan rakan-rakan remaja: *Pelayar Solo Datuk Azahar Mansur*, *Pendaki Gunung Everest*, *Pengembara Solo di Antartika* dan kini *Dr Muzafar* dalam diri generasi muda. Kita perlukan generasi muda yang punyai; semangat, jiwa dan sikap kelas pertama dan bertaraf dunia, tidak takut atau gentar, berani, ingin mencuba, berdaya saing, berdaya juang, memahami matlamat serta tahu peranannya menjayakan wawasan negara. Sudah tentu generasi muda yang punyai sifat-sifat ini disertakan dengan semangat pengorbanan yang kuat akan dengan sendirinya terbina semangat patriotik yang tinggi dan akan rasa terpanggil apabila agamanya, bangsanya dan negaranya dihina, dan cuba dicabuli hak dan kedaulatan kemerdekaannya.

Saya juga harap supaya konsep pendidikan sepanjang hayat mesti ditanam pada generasi muda. Mereka mesti digerak menimba dan merebut pelbagai peluang pendidikan dipelbagai institusi pendidikan, institusi kemahiran, teknikal yang disediakan kerajaan dan swasta samada dalam atau luar negara. Justeru sekali lagi pentingnya kegiatan belia mesti berasaskan ilmu pengetahuan dan menjurus kepada usaha melahirkan generasi muda yang; berkualiti, berfikiran kreatif dan inovatif, dan tinggi daya intelektualnya. Di samping itu juga pegangan agama dan moral mesti dijadikan asas utama kepada generasi muda. Generasi muda perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni yang teguh dan tidak bertolak ansur dengan nilai yang bertentangan dengannya. Jika kita berjaya menjadikannya sebagai tonggak utama dalam pembangunan diri generasi muda, organisasi dan negara, kita yakin generasi muda mampu memimpin diri, keluarga, masyarakat dan negara dengan baik terutama lama era globalisasi ini. Sebab itulah kita inginkan generasi muda yang berkualiti pemikirannya, tinggi tahap keilmuan dan daya intelektualnya dengan menguasai pelbagai disiplin ilmu serta bertaraf dunia disamping seimbang dalam aspek emosi, rohani, intelek dan jasmani. Kita mahukan generasi muda yang membudayakan ilmu kerana pelbagai tamadun dunia yang ada semuanya terbina dengan berasaskan ilmu. Justeru hanya generasi muda yang begini sahaja mampu menjadi generasi pelapis, berupaya mengilap kualiti diri, berkeupayaan menghadapi cabaran dan ledakan globalisasi, berwawasan, dan faham inspirasi serta kehendak agama, bangsa dan negara. Maka lahirlah generasi muda yang mempunyai **Personaliti Unggul** (*Powering Personality*) dan **Minda Kelas Pertama** (*First Class Mind*) dan berkeupayaan menggunakan peluang dan ruang serta tidak mempersiapkan masa mudanya.

5. **Ketahui masalah dan potensi serta libatkan semua pihak.**

Kita perlu tahu potensi diri dan sewaktu yang sama faham akan kelemahan generasi muda. Jika kita hanya tahu kelebihan generasi muda tanpa mengetahui kelemahan yang ada sebenarnya kita tidak berupaya membina kekuatan, dan merangka pelbagai strategi menghadapinya. Dengan memahami potensi generasi muda, kekuatan dan kelemahannya kita berupaya mengilap potensi yang ada, Kelemahan mereka dibaiki dan kekuatan mereka dipertingkatkan di setiap ruang dan sudut serta menyelesaikan masalah yang ada. Maknanya kita tahu masalah generasi muda hari ini; sosial, dadah, keciciran maka program yang dirangka mestilah bangunkan potensinya dan menyelesaikan masalah yang ada. Barulah kita mampu menyediakan generasi muda yang boleh menanggapi budaya; hedonism, materialism, individualism, secularism kerana potensi yang ada padanya akan memberikannya kekuatan untuk terus berpegang kepada nilai, beragama dan jatidiri dan menjauhkan diri daripada pelbagai masalah social. Paling penting gerakan belia perlu mengembing tenaga semua pihak; kerajaan, pihak swasta, pertubuhan sekarela, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya bagi menjayakan sesuatu rancangan. Tidak boleh diantaranya tidak terbabit dalam pembinaan generasi muda. Kita ambil contoh Ghana, bagaimana mereka berjaya mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah hingga kepada 20 peratus, ia berjaya kerana semua pihak mengembing tenaga secara bersepadu.

7. **Penekanan Aspek Kepimpinan Dan Memantapkan Persatuan**

Bagi menghadapi cabaran yang semakin hebat, kita mesti melahirkan pemimpin yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi. Jikapun tidak memimpin kelompok yang besar atau kecil sekurangnya berkeupayaan memimpin diri sendiri. Justeru itu ciri-ciri pemimpin yang baik adalah yang beramanah dan bertanggungjawab (taklif) bukan bermegah (tashrif), punyai daya fikiran yang tinggi (*thinking capacity*), pemimpin - berfikir (al qaidul mufakkir), pemimpin-pendidik (al qaidul murabbi) dan pemimpin yang berkeupayaan merancang, menjayakan rancangan, mampu merubah kepada keadaan yang lebih baik (*transformational leader*) Pemimpin gerakan belia yang punyai sifat demikian supaya jika diletakkan dimana sekalipun mahupun diarena antarabangsa mampu untuk mengangkat maruah agama bangsa dan negara. Untuk menjadikan kita pemimpin belia yang sentiasa dihati orang muda, pemimpin belia mesti bersifat objektif dalam menilai, peka dalam menghadapi isu semasa bijak membaca politik semasa, peka dengan kehendak masyarakat, mementingkan perpaduan, terbuka, bersifat "*forward looking*" dan berpandangan jauh.

Harapan saya sebagai pemimpin gerakan belia, kita mesti menjadi pemimpin yang benar-benar yang minat berpersatuan, memahami situasi baru dalam gerakan belia, peka dengan proses perubahan yang berlaku dalam semua bidang. Berpegang teguh kepada idealisme belia; “ force orang muda “, sebagai pencipta perubahan, penegak kebenaran dan keadilan, generasi pencinta ilmu, semangat sukarela, memahami Falsafah Dan Dasar Belia Negara, peka dengan persoalan kelesuan gerakan belia, , memahami tiga fokus utama sebagai persediaan masa depan : Kemahiran, Keusahawanan dan Kepimpinan yang dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri ? Dan Berupaya menyesuaikan kegiatan belia agar memenuhi tuntutan dan kehendak orang muda .

Saudara-saudari sekalian,

Kita mesti menjadi aset berharga kepada negara ? Hari ini Modal Insan menjadi agenda besar negara bagi mencipta negara terbilang 2057. Negara kita telah mencapai tahap yang gemilang selepas 50 tahun negara merdeka dan pimpinan meletakkan sasaran untuk mencapai negara terbilang menjelang 2057. Oleh itu kita harus menjadi yang terbaik dikalangan yang baik. Kita mesti menjadi rakyat yang berdayasaing. Sentiasa menambah nilai diri dikalangan belia dan mampu membuat lonjakan besar untuk tingkatkan produktiviti negara. Gerakan belia mesti tingkatkan pelaburan dalam modal Insan dan ia mesti dijadikan fokus utama dalam kegiatan kita. RACUN MINDA yang membelenggu pemikiran kita mesti ditolak. Malaysia telah 50 tahun merdeka ~ Minda kita mesti terus hebat dan perlu ditingkatkan untuk 50 tahun akan datang iaitu pada tahun 2057. Bagi menangani segala cabaran dan merealisasikan wawasan gerakan belia . Strategi dan pendekatan mestilah baik, tepat, jelas dan sempurna. Pimpinan belia perlu memahami cabaran, merangka dasar dan wawasan generasi muda seterusnya melaksanakan strategi dengan pendekatan yang lebih tersusun. Ini penting agar kita mampu memastikan generasi muda yang berupaya melihat secara positif cabaran dihadapannya, mencipta kecemerlangan, menggilap potensi diri dan mampu menukar cabaran itu dengan menjadinya suatu peluang.

MBM sendiri sedang mencuba untuk melakukan perubahan. Kita sedang melaksanakan Program Siri LATIHAN PEMIMPIN MUDA, Program BAKTI BELIA “ Belia Benci Dadah “ tetap menjadi agenda utama, Program KEMASYARAKATAN tetap tidak dilupakan, Pada 14-18 Disember 2007 nanti Pesta SUKAN Dan KEBUDAYAAN Belia Malaysia yang melibatkan penyertaan 4000 orang belia, pertama kalinya dalam sejarah MBM akan dilaksanakan dengan liputan media secara meluas akan diusahakan, jangan lupa bahawa Dialog MALINDO: Belia Malaysia-Indonesia MBM akan dilaksanakan pada 6-7 Januari 2008 ini. Dan Insyallah jika perancangan berjalan lancar MBM akan melancar dan mengerakkan Program MyBELIA awal tahun hadapan dimana tumpuan adalah menarik generasi muda menyertai pertubuhan belia dan meningkatkan kesedaran belia agar merebut peluang yang negara hidangkan dihadapan kita untuk: Belajar, Bekerja dan sebagainya. Kita laksanakannya dengan mengadakan Karnival MyBELIA keseluruh negara.

Saudara-saudari sekalian.

Dan kerana itu, sempena perhimpunan kali ini, saya ingin mengajak para belia supaya bersyukur kepada tuhan - Pertamanya kerana kita lahir disebuah negara yang cukup: aman,damai dan makmur. Dinaungi raja berpelembagaan, dipimpin oleh pemerintah yang cukup faham dengan kehendak dan citarasa golongan belia. Negara yang 50 tahun usianya dahulu tidak dikenali tapi hari ini namanya harum diserata dunia. Inilah negara yang banyak memberikan peluang kepada kita orang muda untuk: belajar, bekerja, membina kerjaya - malah diberikan peluang bersama membangun dan mentadbir negara ini. Cuba bayangkan kita lahir dan hidup di Plectine, Iraq, Afganistan, Selatan Thailand, Selatan Filipina dan lain-lain ? Ada negara langsung menyekat orang muda kerana bimbang akan mengugat pemerintah yang ada, ia tidak berlaku pada kita. Atas alasan itu marilah kita bersyukur...dengan nikmat yang kita perolehi hari ini....Dan sebagai tanda kita berterima kasih marilah kita berazam untuk terus bersama menjayakan wawasan negara. Sebagai anak muda kita lengkapkan diri kita dengan pelbagai ilmu..kerana ini saja cara terbaik bagi kita bersama menjayakan negara ini.

Saudara-saudari sekalian,

Akhir sekali, bagi pihak MBM, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua badan-badan gabungan dan perwakilan yang menjayakan MPAT kali ini. Marilah kita bersedia menjadi tenaga dan aset penting kepada negara. Secara keseluruhannya, untuk menjayakan belia yang berwawasan, ianya mestilah dilaksanakan dengan membabitkan persoalan pendidikan, ekonomi, politik, agama, budaya, sosial dan sebagainya. Sayyidina Umar Al Khattab menyebut bahawa yang beliau inginkan dalam meneruskan perjuangan ialah generasi muda seumpama Abu Ubaidah Jarrah, Muaz Bin Jabal dan Abu Huzaifah. Semua mereka adalah panglima Islam yang dalam sejarahnya mempunyai kehebatan dari segi intelektual, rohani, jasmani, berjiwa besar, mempunyai kepakaran, menghayati agama, berdaya saing, berdaya juang, berdaya tahan, memahami kehendak zaman. Inilah antara ciri-ciri utama generasi muda yang boleh menjadi harapan agama, bangsa dan negara. Dan bagi merealisasikan hasrat ini gandingan semua pihak; kerajaan, swasta, ibubapa, individu belia, masyarakat adalah faktor utama kearah kejayaan.

Wabillahitaufik Walhidayah..w.m.t

Terima kasih dan selamat bersidang.